

CNS0314

R GB 25-11 00169 BA169

bah

Keating - Maaf

LAGI PERTUBUHAN DESAK KEATING MINTA MAAF

I

KUALA LUMPUR, 25 Nov (Bernama) -- Sebuah pertubuhan hak asasi kemanusiaan di Pulau Pinang, Just World Trust (JUST), hari ini meminta Perdana Menteri Australia, Paul Keating memohon maaf kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kerana menyifatkannya sebagai "keras kepala".

"Adalah bertentangan dengan etiket dan kesopanan dalam perhubungan antara negara bagi seorang pemimpin sebuah negara menggunakan bahasa yang tidak sopan terhadap pemimpin negara lain," kata Pengarah JUST, Dr Chandra Muzaffar, dalam kenyataan di sini.

Keating membuat kenyataan itu semasa mengulas ketidakhadiran Dr Mahathir pada mesyuarat tidak formal ketua-ketua kerajaan Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC), di Seattle, baru-baru ini.

Dr Chandra berkata para pemimpin sememangnya dibenarkan memberi pendapat masing-masing terhadap isu-isu nasional dan antarabangsa tetapi tidak sepatutnya menurutkan rasa hati dengan mencerca seseorang.

Katanya sebagai pemimpin negara yang memperjuangkan hak asasi kemanusiaan dan demokrasi, Keating sepatutnya menghormati hak Dr Mahathir untuk tidak menghadiri mesyuarat itu. -- Lagi.

▼25/11/17-47MST

CNS0324

R GB 25-11 00163 BA170

bah

Keating - Maaf 2 Kuala Lumpur

"JUST turut bersetuju dengan sebahagian daripada kekhuatiran Dr Mahathir mengenai arah yang ditujui APEC. Adalah jelas APEC dibentuk sedemikian rupa supaya Amerika Syarikat akan menjadi 'kapten' kapal ekonomi Asia Timur-Asia Tenggara yang dinamik itu," katanya.

Australia, kata Dr Chandra, dalam masa beberapa tahun ini telah menjalankan promosi politik dan agenda ekonomi AS di rantau Asia.

Di JPOH, anggota Exco dan Ketua Pemuda MCA Perak Dr Song Yong Pheow berkata pergerakannya akan menghantar nota bantahan kepada pejabat Pesuruhjaya Tinggi Australia bagi mengutuk tindakan Keating.

Beliau berkata Pemuda MCA Perak mahu Keating serta media Australia meminta maaf kepada Dr Mahathir kerana kebiadaban mereka itu.

Katanya, Pemuda MCA Perak menyokong saranan Pergerakan Pemuda UMNO supaya Malaysia memulaukan barangan dari Australia, jangan lagi melawat negara itu, menghentikan penghantaran pelajar Malaysia menuntut di sana dan mengkaji semula pelaburan negara itu di Malaysia jika permohonan maaf tidak dibuat. -- Lagi.

▼25/11/17-52MST

CNS0327

R GB 25-11 00110 BA171

bah

Keating - Maaf 3 Kuala Lumpur

Dr Song berkata, Australia bersikap berat sebelah dan telah beberapa kali mengecam Malaysia serta Dr Mahathir.

Tindakan negara itu sudah keterlaluan dan kerajaan perlu mengambil tindakan serius mengenainya, katanya.

Kelab Setiausaha Akhbar Malaysia juga menyatakan rasa tersinggung dengan ungkapan Keating itu.

Presidennya, Encik Ibrahim Tamby Chik berkata tindakan yang tidak bertamadun itu wajib ditangani sesuai dengan iramanya dan mendesak Keating meminta maaf dalam tempoh yang diberikan.

Katanya anggota kelab akan bertindak dengan tidak memberi kerjasama kepada wartawan Australia yang hendak mendapatkan maklumat atau temuramah dengan para menteri negara ini. -- Lagi.

▼25/11/17-53HST

CNS0332

R GB 25-11 00087 BA172

bah

Keating - Maaf 4 (Akhir) Kuala Lumpur

Persatuan Wartawan Melayu Malaysia (PWM) pula membantah sekeras-kerasnya tulisan-tulisan media massa Australia mengenai Dr Mahathir yang telah menjatuhkan martabat negara ini.

Presiden PWM, Yazid Othman berkata rencana-rencana itu bukan sahaja menghina tetapi juga melanggar kod etika kewartawanan di seluruh dunia bertamadun yang turut dianggotai Australia sendiri.

"Dengan menghina Dr Mahathir, media massa Australia telah melakukan kesalahan profesional yang amat berat," katanya. -- Bernama

ES MUS MSZ SJ NAK NMO

▼25/11/17-54HST